Model Kertas Peperiksaan 2

Bahagian A: Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian **A**, **B** *dan* **C**. *Anda perlu menjawab kesemua bahagian.*

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1 Kaunseling dapat disimpulkan sebagai perhubungan yang _____.

A memerlukan kemahiran-kemahiran, pengetahuan dan sikap yang tertentu

B berdasarkan kefahaman mendalam tentang manusia, tingkah laku manusia dan masyarakat

C terbuka di mana tanggungjawab hasil prosesnya bergantung pada klien dan bukannya kaunselor

D menggalakkan perkembangan dan perubahan pada diri klien yang menyebabkan klien berfungsi dengan berkesan lagi

2 Menjelang Perang Dunia Kedua (1941–1945), peranan kaunseling semakin mendapat pengiktirafan apabila kerajaan Amerika Syarikat meminta bantuan para psikologis dan kaunselor dalam pemilihan dan latihan untuk pakar dalam bidang _____.

A pendidikan dan kerjaya

B ketenteraan dan industri

C perubatan dan kesihatan

D teknologi dan pembuatan

3 Dalam sesi kaunseling, satu cara yang berkesan untuk menggalakkan klien bercakap dengan panjang lebar adalah dengan menggunakan _____.

A gerak isyarat

B soalan terbuka

C soalan ulangan

D soalan tertutup

Soalan 4 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Pemilihan ahli-ahli kelompok
- Saiz kelompok
- Kekerapan pertemuan
- Jangka masa setiap sesi
- Jangka masa kelompok
- Tempat bertemu

4 Pernyataan di atas merumuskan _____.

A prinsip kaunseling kelompok

B peringkat-peringkat kaunseling

C langkah-langkah mengurus kaunseling kelompok
D ciri-ciri meningkatkan keberkesanan kelompok kaunseling

5 "Idea tidak rasional perlu digantikan dengan idea-idea rasional."
Saranan pernyataan di atas adalah berkaitan dengan Terapi _____.
A Realiti
B Tingkah laku
C Berpusatkan klien
D Tingkah Laku Rasional–Emotif (REBT)

6 Pernyataan berikut benar tentang kaunseling Islam, **kecuali** ...
A personaliti manusia adalah keseluruhan tingkah laku, iaitu jalinan antara roh, nafsu dan akal.
B keputusan dan pemulihan klien hendaklah berdasarkan sumber al-Quran, hadis, sunnah Nabi dan ijmak ulama.
C memberikan kaunseling secara suka rela kepada kaum Muslim adalah wajib bagi setiap orang yang berkesanggupan.
D proses integrasi dalam kaunseling Islam menjurus kepada membentuk semula perwatakan manusia dengan pengiktirafan fitrah dan al-Falah (kesejahteraan dunia dan akhirat).

7 Matlamat Terapi Tingkah Laku Rasional–Emotif (REBT) adalah untuk mengurangkan atau menghilangkan _____.
A keinginan negatif
B tingkah laku tidak rasional
C emosi yang kurang konsisten
D sifat bergantung pada orang lain

8 Pendekatan _____ boleh dilaksanakan terhadap kanak-kanak terutamanya dalam kalangan mereka yang bersekolah di sekolah berasrama penuh seperti sekolah agama.
A kerjaya
B individu
C keluarga
D kelompok

9 Tujuan kaunseling atau terapi bukanlah semata-mata celik akal, tetapi juga merujuk kepada _____.
A perubahan dalam tingkah laku
B tindakan terhadap tekanan persekitaran
C memenuhi tugas-tugas perkembangan manusia
D memenuhi tuntutan ahli-ahli keluarga secara keseluruhan

Soalan 10 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Teori Ginzberg (1951)
- Teori Donald Super (1974)
- Teori Roe (1957)
- Teori Holland (1971)

10 Ahli-ahli teori di atas mengemukakan teori-teori tentang kaunseling _____.
A remaja
B kerjaya
C individu
D kelompok

Soalan 11 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Merujuk budaya tolong-menolong dan kasih mesra dalam kalangan pelajar.
- Merujuk keyakinan diri dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.
- Membina individu bertimbang rasa, bertolak-ansur dan gemar menolong orang lain.
- Membantu pihak sekolah mengurangkan masalah disiplin.

11 Pernyataan-pernyataan di atas menerangkan _____ program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).

A fungsi
B objektif
C falsafah
D matlamat

12 Dalam etika dan perundangan kaunseling, kaunselor hendaklah mengamalkan perkara-perkara berikut, **kecuali** ...
A tidak boleh menyatakan penerangan mengenai perkhidmatan dan bidang kepakaran.
B tidak boleh menggunakan keahlian dalam sesuatu pertubuhan/persatuan sebagai perakuan amalan yang sah.
C tidak dibenarkan menggunakan nama organisasinya dalam iklan tanpa persetujuan organisasi yang dianggotainya.
D tidak boleh memberikan perkhidmatan kaunseling dan konsultasi di luar organisasi yang dianggotainya tanpa mendapat kebenaran organisasi tersebut.

13 Kaunseling _____ menyampaikan maklumat mengenai peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara.
A kerjaya
B individu
C peribadi
D akademik

14 Dalam kaunseling kelompok di sekolah, tercapai atau tidak matlamatnya amat bergantung pada kemahiran dan keberkesanan seseorang _____.
A kaunselor
B pentadbir
C ahli kelompok
D ketua kelompok

15 Pernyataan berikut benar tentang perbezaan antara kaunseling individu dengan kaunseling kelompok, **kecuali** dalam kaunseling individu _____.
A semangat kerjasama tidak wujud berbanding kaunseling kelompok
B suasana yang tenang dan mesra tidak mudah dibina berbanding kaunseling kelompok
C klien tidak berpeluang mempelajari kemahiran-kemahiran asas kaunseling berbanding kaunseling kelompok
D penumpuan perhatian sepenuhnya dapat diberikan kepada klien berbanding kaunseling kelompok

16 Apakah tujuan utama pendekatan psikoanalitik dalam kaunseling?
A Menginterpretasikan pemikiran-pemikiran remaja yang kurang munasabah.
B Memberikan harapan kepada remaja untuk matlamat hidup jangka panjang.
C Membantu kaunselor mengenal pasti permasalahan jiwa yang dialami oleh remaja.
D Menggunakan teknik-teknik tertentu untuk mengatasi masalah untuk jangka pendek.

17 "Sebagai seorang kaunselor kerjaya yang baik, seseorang hendaklah mengenal pasti minat dan kebolehan klien; membantu klien meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran vokasional; dan membantu klien memahami perasaannya tentang pekerjaan."
Pernyataan di atas berkaitan dengan Teori _____.

A Roe (1957)
B Super (1974)
C Holland (1971)
D Hoppock (1967)

Soalan 18 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Membina hubungan dengan klien
- Menggalakkan tindakan klien
- Merangsang penerokaan diri
- Menyemak pemahaman dengan klien

18 Pernyataan-pernyataan di atas mempunyai kaitan dengan hasil respons kaunselor yang menunjukkan _____.
A empati
B simpati
C refleksi
D proaktif

19 Suatu situasi atau tingkah laku kaunselor dalam sesi kaunseling yang tidak mengancam klien secara emosi disebut sebagai kesejahteraan _____.
A fisiologi **C** psikologi
B harmoni **D** sosiobudaya

20 Pernyataan yang manakah antara berikut ialah kod etika kaunselor?
I Bahagian A: Tanggungjawab kaunselor
II Bahagian B: Perkhidmatan persendirian
III Bahagian C: Penyelidikan dan penerbitan
IV Bahagian D: Latihan
V Bahagian E: Pengukuran dan penilaian
A I, II dan III **C** II, IV dan V
B I, III dan IV **D** Semua di atas

Bahagian B: Soalan Struktur (40 markah)

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1 Huraikan maksud bimbingan dan kaunseling. (10 *markah*)

_____

_____

_____

2 Senaraikan **lima** ciri seorang kaunselor yang menggunakan Terapi Eklektik? (10 *markah*)

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

(iii) _____

_____

(iv) _____

_____

(v) _____

_____

3 Senaraikan **lima** tugas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) menurut buku "Panduan Perlakuan Khidmat Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah". (10 *markah*)

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

(iii) _____

_____

(iv) _____

_____

(v) _____

_____

4 Nyatakan **empat** rasional diadakan program PRS. (10 *markah*)

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

(iii) _____

_____

(iv) _____

_____

Bahagian C: Soalan Esei (40 markah)

Jawab 2 (dua) soalan sahaja daripada bahagian ini.

1 Huraikan **lima** kebaikan dan kelemahan kaunseling kelompok. (20 *markah*)

2 Huraikan **lima** sifat seorang kaunselor Muslim. (20 *markah*)

3 Terapi Bermain ialah terknik di mana cara ekspresi kanak-kanak yang semula jadi digunakan sebagai cara terapeutik bagi membantu kanak-kanak menangani trauma dan stres. Jelaskan tujuan Terapi Bermain ini. (20 *markah*)